

SOALAN NO: 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD**  
**IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT]**  
**TARIKH : 02 OGOS 2017**  
**SOALAN : 85**

**YB Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bantuan untuk mengatasi masalah serangan lalat di Daerah Manjung, Parlimen Lumut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagai makluman, isu serangan lalat di Daerah Manjung adalah berpunca daripada kawasan penternakan, pertanian dan pembuangan sampah yang luas. Lalat-lalat yang datang dari kawasan ini selalunya akan mengganggu kediaman penduduk, kedai-kedai makan dan tempat tumpuan awam berhampiran sehingga ianya boleh menyebabkan kejadian penyakit bawaan lalat seperti typhoid, diarrhea, dysenteries dan cholera. Gangguan lalat ini akan menyebabkan penduduk setempat membuat aduan kepada Kementerian Kesihatan atau Pihak Berkuasa Tempatan. Sepanjang tahun 2017, Pejabat Kesihatan Daerah Manjung telah menerima lapan (8) aduan

mengenai gangguan lalat. Dari jumlah tersebut, siasatan mendapati 6 aduan merupakan lalat yang banyak berpunca dari ladang ternakan ayam. Kementerian Kesihatan telah pun mempunyai garis panduan LILATI untuk menangani isu gangguan lipas, lalat dan tikus yang dilaksanakan oleh anggota di Pejabat Kesihatan Daerah.

Walaupun demikian, penyelesaian masalah kacau ganggu lalat adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Veterinar dan Pihak Berkuasa Tempatan, selaku pihak yang berkuasa mengurus kawasan penternakan, pertanian dan pembuangan sampah. Kedua-dua agensi ini mempunyai bidang kuasa dalam pengeluaran lesen dan penguatkuasaan Akta Perladangan Unggas oleh Jabatan Veterinar.